

Rafidah akur tidak lagi dalam kabinet

Ketua Wanita Umno mahu ahli kekal perpaduan, pastikan parti terus maju untuk penuhi agenda negara

Oleh Norfatimah Ahmad dan Sazarina Shahrin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, beliau menerima dengan hati terbuka penggugurannya daripada barisan Kabinet baru yang diumumkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin.

Sehubungan itu, Rafidah yang sudah 32 tahun berkhidmat dengan kerajaan, termasuk 20 tahun sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mahu semua pihak terutama Wanita Umno bertenang dan mengekalkari perpaduan bagi memastikan parti terus maju untuk memenuhi agenda negara.

"Memang banyak pihak yang ragu, musykil dan sugul, tetapi saya mahu ingatkan semua supaya tenteram dan terima apa yang berlaku.

"Ahli Umno perlu terus berjuang dalam parti dan kepada semua yang menunjukkan kebimbangan, ingin saya sampaikan salam dan meminta bertenang kerana yang penting sekarang kita perlu bersatu," katanya.

Pada sidang media hari terakhirnya sebagai Menteri di sini, semalam, Rafidah juga menjelaskan beliau akan

kekal sebagai Ketua Wanita Umno dan Ahli Parlimen Kuala Kangsar.

Rafidah, 64, yang aktif dalam Umno sejak berusia 22 tahun, dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam pada 1976 selepas dua tahun menjadi Senator termuda pada usia 31 tahun.

Beliau mula bertanding di kerusi Parlimen Selayang, Selangor pada pilihan raya umum 1978 sebelum berpindah ke Parlimen Kuala Kangsar pada pilihan raya umum 1982.

Pada pilihan raya umum 8 Mac lalu, Rafidah mengekalkan kerusi Parlimen Kuala Kangsar dengan majoriti 1,458 undi mengalahkan calon Pas.

Ditanya sama ada beliau sedih kerana digugurkan, Rafidah berkata: "Kenapa pula saya perlu sedih, sedangkan 32 tahun daripada 64 tahun hidup saya adalah berkhidmat dalam kerajaan dan saya akan terus menyokong kepimpinan Perdana Menteri dan Timbalannya Datuk Seri Najib Razak.

Berikut antara sedutan sidang media Rafidah, semalam.

Wartawan: Apakah kerana surat Datuk Seri kepada Perdana Menteri menyebabkan Datuk Seri digugurkan?

Rafidah: Apa saja surat yang saya

tulis kepada sesiapa saja hanya perbualan peribadi saya dengan penerimanya. Tak ada sesiapa patut siarkan surat peribadi, jika ia surat terbuka saya akan lakukannya. Memang cara untuk menyatakan pandangan dengan menulis kerana saya boleh sampaikan tanpa dipengaruhi emosi dan boleh tulis dengan ikhlas.

Wartawan: Barisan Kabinet tak ada wanita sebagai Menteri. Komen Datuk Seri?

“Bagi saya, tentulah sedih dan agak kecewa dan lebihnya anak buah kita yang tidak pernah tengok keadaan ketua dan pemimpin mereka tak ada tempat dalam Kabinet”

Rafidah Aziz
Ketua Wanita Umno

Rafidah: Bila dapat senarai penuh, saya tengok tak ada langsung wakil Wanita Umno. Bila Perdana Menteri beritahu saya tiada dalam Kabinet, saya pun tidak bertanya pasal Wanita sebab bukan hak saya bertanya. Tapi bila tak ada seorang pun saya terkejut kerana tidak pernah berlaku dalam sejarah tiada wakil Wanita dalam Kabinet.

Bagi saya, tentulah sedih dan agak kecewa dan lebihnya anak buah kita yang tidak pernah tengok keadaan di mana ketua dan pemimpin mereka tak ada tempat dalam Kabinet, tapi saya gembira sebab (Datuk Dr) Ng Yen Yen dapat. Tapi terbalik pula ceritanya sebab Ketua Wanita MCA dapat, sedangkan Ketua Wanita Umno tak ada apa-apa..

Saya tak suka cakap hal ini kerana ia tentang diri saya. Saya bukan memperjuangkan untuk diri saya tapi kedudukan sebagai Ketua Wanita Umno dan Pengerusi Wanita BN.

Wartawan: Apa pandangan Datuk Seri mengenai barisan Kabinet?

Rafidah: Oh... saya tak ada pandangan mengenai perkara itu.

Wartawan: Apakah Datuk Seri berkecil hati?

Rafidah: Ini adalah sebahagian daripada cabaran dalam politik dan ba-

gi saya secara peribadi, saya tidak suka simpan dalam hati.

Wartawan: Apakah Datuk Seri terkejut, dengan pengumuman barisan Kabinet, kelmarin?

Rafidah: Perdana Menteri telefon saya jam 9 pagi untuk memaklumkan saya tidak dimasukkan dalam Kabinet kali ini dan bila saya tanya kenapa, alasan beliau adalah untuk melantik muka baru. Saya terima keputusan itu kerana tiba masa untuk bersara, cuma saya mengharapkan Perdana Menteri beritahu lebih awal supaya saya tak perlu bertanding.

Wartawan: Apakah Datuk Seri akan protes?

Rafidah: Tidak.. tidak, tak payah nak protes, ini bukan cara saya. Terpujang kepada Wanita (Umno). Saya tidak kemukakan protes rasmi, nanti orang kata saya pula nak kan jawatan, malu la. Nanti orang kata tengok Rafidah nak kan jawatan... tergila-gila, walaupun bukan niat saya.

Wartawan: Apakah Datuk Seri akan pertahankan jawatan Ketua Wanita Umno?

Rafidah: Tentu sekali selagi ahli Wanita masih mahukan saya kerana saya dilantik bukan dipilih, jadi terpujang kepada ahli.

Wartawan: Ada yang kata Datuk Seri akan letak jawatan sebagai Ahli Parlimen?

Rafidah: Tak apa lah, biar dia bercakap, tapi saya kata tidak. Tuan tubuh badan kata tidak.

Wartawan: Sakit dalam hati macam mana?

Rafidah: Ini soalan tidak adil... mungkin anda tak kenal saya... saya seorang yang tak tahu simpan dalam hati, ini satu ku rniaan Allah. Anda boleh lakukan apa saja pada saya, tapi percayalah saya tidak akan benci orang itu, tidak akan sakit hati.

Wartawan: Mengenai pelantikan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sebagai Penasihat Hal Ehwal Wanita, apakah ia untuk memujuk?

Rafidah: Saya tak tahu mengenai pelantikan itu, saya cuma baca dalam akhbar, kena tanya orang yang melantik itu.

Wartawan: Apakah anggap Datuk Seri Azalina Othman Said sebahagian Wanita Umno?

Rafidah: Saya tak tahu sama ada dia ahli Wanita Umno, kena periksa, mungkin ahli Umno dan dia tak Puteri (Umno) lagi, saya tak tahu... tolong periksa dengan ibu pejabat (Umno), tanya PM... tanya Azalina sendiri.